

06/01/2001

Suqiu gugur 7 tuntutan (HL)

Zulkofli Jamaludin; Jamhariah Jaafar; Munaarfah Bakar
KUALA LUMPUR, Jumaat - Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-persatuan Cina Malaysia (Suqiu) bersetuju menggugurkan tuntutannya berhubung tujuh perkara mengenai kedudukan, hak dan keistimewaan Melayu/Bumiputera.

Persetujuan itu dicapai selepas Suqiu dan Pergerakan Pemuda Umno mengadakan beberapa siri pertemuan untuk menamatkan segala salah faham dan tanggapan bagi memastikan perpaduan serta keharmonian kaum di negara ini terpelihara.

Pengumuman mengenai pengguguran itu dibuat dalam satu kenyataan bersama oleh Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein dan Pengerusi Suqiu, Quek Suan Hiong selepas satu mesyuarat kedua-dua pihak, di sini hari ini.

Kedua-dua pertubuhan itu mahu mana-mana kumpulan yang sudah membuat kenyataan sensitif sehingga boleh menimbulkan kemarahan atau keresahan kaum tidak lagi mengulanginya, berkuat kuasa serta-merta.

"Pemuda Umno dan Suqiu bersetuju tujuh perkara itu diketepikan memandangkan ketegangan etnik yang wujud.

"Hak, kedudukan dan keistimewaan orang Melayu dan Bumiputera mana-mana negeri Sabah dan Sarawak seperti termaktub dalam peruntukan perlembagaan Persekutuan 153 dan peruntukan lain yang berkaitan, tidak dipersoalkan," kata Hishammuddin ketika membacakan kenyataan itu selepas mesyuarat berkenaan.

Pertemuan selama hampir sejam itu turut dihadiri Naib Ketua Pemuda, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir serta tujuh Exco Pemuda, manakala Suqiu pula diwakili lapan ahli jawatankuasanya.

Hishammuddin berkata, Suqiu mengulangi 83 rayuan itu dibuat atas dasar kepentingan perpaduan dan kemajuan negara serta komited sepenuhnya untuk membentuk satu bangsa Malaysia yang bersatu padu.

Beliau berkata, ia juga bersetuju dengan nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi supaya sebarang isu yang boleh menyebabkan ketegangan kaum perlu dihentikan segera.

"Suqiu mengulangi bahawa 83 perkara rayuan itu hendaklah dipandang dari perspektif yang betul dan rayuannya itu merangkumi keprihatinannya dalam pelbagai aspek.

"Ia menekankan bahawa selama ini ia tidak mempersoalkan atau mencabar hak serta kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera seperti termaktub dalam Perlembagaan," katanya.

Hishammuddin berkata, Pemuda Umno dan Suqiu bagaimanapun beriltizam untuk membincangkan 76 rayuan lain dan merealisasikan perkara yang diterima oleh kedua-dua pihak.

Kedua-dua pihak kesal ke atas reaksi yang tidak diingini di kalangan sesetengah masyarakat Melayu dan Cina berpunca daripada isu tujuh perkara serta insiden berikutnya.

"Pemuda Umno dan Suqiu menghargai keamanan, keharmonian, kerjasama dan sikap menghormati sesama sendiri yang diamalkan dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, agama dan budaya," katanya.

Selepas membacakan kenyataan bersama itu, Hishammuddin berkata, Pemuda Umno telah menunaikan tanggungjawabnya dan kini menyerahkan kepada pucuk pimpinan negara untuk meneruskan usaha itu.

Quek pula berkata, kedua-dua pihak memulakan usaha untuk menyelesaikan perkara itu sejak 24 Disember lalu dan sudah mencapai keputusan yang

diharap dapat memuaskan hati semua pihak.

"Jika inilah generasi pelapis Melayu pada masa hadapan, negara kita ini masih mempunyai peluang yang cerah. Malah, kebolehan mereka ini disifatkan bertaraf dunia," katanya.